

# UMS tonggak pembangunan modal insan

UB 03.10.2024 P.07

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan institusi pengajian tinggi bertanggungjawab melahirkan modal insan yang berkualiti di Sabah.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, berkata UMS merupakan sebuah universiti komprehensif, diberisi kakitangan akademik dan pentadbiran yang mempunyai kelayakan setanding universiti awam lain.

Katanya, UMS sentiasa melahirkan pelajar yang aktif dan cemerlang serta mengharumkan nama UMS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ini selari dengan peranan-nya sebagai institusi peneraju dalam melahirkan modal insan berkualiti di negeri ini.

“Sebagai gedung yang melahirkan bakal pemimpin masa depan, UMS mengorak langkah menjadi universiti terawal melaksana agenda

pemerkasaan mahasiswa yang diperkenal Kementerian Pendidikan Tinggi.

“Dalam pemerkasaan mahasiswa, UMS memberikan autonomi kepada pelajar dalam pengurusan kelulusan aktiviti termasuk agihan kewangan dan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Lafaz Ikrar dan **Aku Janji Pelajar Baharu Sempena Minggu Suai Mesra Sesi 2024/2025 Kali ke-30** di Dewan Canselor, UMS.

Kasim berkata tanpa mengabaikan kesejahteraan pelajar, pihak universiti menyediakan 10 inisiatif bantuan kebajikan pelajar melalui Tabung Amanah Kebajikan Pelajar.

“Ini sekali gus memberi manfaat kepada 1,877 pelajar dengan jumlah bantuan RM572,468.18,” katanya.

Pada majlis itu, pelajar baharu UMS turut mendengar ucapan disampaikan



**IKRAR:** Putri Nurathirah memimpin bacaan lafaz ikrar pada majlis itu.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, erta amanat yang disampaikan Ketua Menteri Sabah merangkap Pro-

Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor.

Para pelajar baharu juga turut membacakan lafaz ikrar yang dipimpin pelajar baharu Fakulti Perubatan

dan Sains Kesihatan (FPSK), Putri Nurathirah Hirmizali, dihadapan barisan pengurusan tertinggi, ahli lembaga pengarah dan ahli Senat UMS.